

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGGAM]**

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status pelaksanaan pembentukan Kesatuan Pelajar (Student Union) di Institut Pengajian Tinggi Awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited untuk meningkatkan keterlibatan pelajar (*student empowerment*) dalam mencorak dan menentukan hala tuju pembangunan negara, berpandukan peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971.

Terdapat pelbagai inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memperkasa dan meningkatkan keterlibatan pelajar untuk menyuarakan pandangan mereka, antaranya adalah:

- (i) Melaksanakan Pilihan Raya Kampus (PRK) pada setiap tahun dengan penglibatan pelajar sepenuhnya sama ada dalam pengurusan perjalanan pilihan raya mahupun sebagai calon yang bertanding;
- (ii) Meletakkan kelab dan persatuan pelajar di sesebuah IPT untuk bernaung di bawah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi memperkasakan lagi peranan MPP;

- (iii) Memberikan tanggungjawab kepada MPP untuk menguruskan kewangan bagi aktiviti pelajar; meluluskan permohonan program pelajar dan menjalankan pemantauan ke atas aktiviti kelab dan persatuan yang bernaung dibawahnya; dan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan antara UA yang terawal mewujudkan peruntukan yang lebih terperinci bagi Kesatuan Pelajar mereka. Perlembagaan bagi Kesatuan yang dinamakan sebagai Dewan Perundangan Pelajar telah diwartakan pada tahun 2011.

Selain itu, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga telah dinaik taraf kepada Kesatuan Mahasiswa UM dan Kesatuan Mahasiswa UKM, masing-masing pada Mac dan Disember 2019. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pula telah menubuhkan Kesatuan Pelajar UIAM dan telah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) pada Oktober 2019.

Kementerian dari semasa ke semasa mengadakan perbincangan dengan pengurusan universiti awam dalam merealisasikan pembentukan Kesatuan-kesatuan Pelajar di universiti masing-masing. Selain itu, Kementerian turut mengadakan sesi libat urus secara berterusan bersama perwakilan pelajar bagi mendapatkan pandangan dan menilai keperluan semasa mereka. Melalui sesi sebegini, isu-isu kebijakan dan kesejahteraan pelajar dapat ditangani dengan tuntas di samping menjadi platform bagi mahasiswa mengemukakan pandangan dan hasrat mereka kepada IPT dan juga kerajaan.

Sekian, terima kasih.